

# **Penghijrahan cacing di permukaan tanah normal**

January 9, 2024

KUALA TERENGGANU, 8 JAN – Kemunculan cacing di permukaan tanah yang dikesan di Kampung Merang semalam adalah fenomena normal membabitkan proses tindak balas biologi haiwan berkenaan terhadap alam sekitar yang bermigrasi ke kawasan lain.

Pensyarah Biologi, Diversiti dan Ekologi Invertebrat Bentik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Izwandy Idris berkata penghijrahan cacing tanah dalam kuantiti yang besar adalah disebabkan proses komunikasi haiwan itu yang bersentuhan dengan cacing yang lain ketika membuat perjalanan ke permukaan tanah.

Dengan merujuk kepada kejadian kehadiran banyak cacing di permukaan tanah yang dilaporkan media semalam, beliau percaya kumpulan cacing itu mengambil peluang kelembapan permukaan tanah ketika musim Monsun Timur Laut untuk bermigrasi.

“Sebenarnya, fenomena ini pernah berlaku sebelum ini iaitu pada 17 Januari 2017 di Sekolah Kebangsaan Kuala Ping, Hulu Terengganu. Orang ramai tidak perlu risau, sebab kalau ikutkan kejadian sebelum ini, selepas kejadian, tiada sebarang perkara tidak diingini berlaku,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau yang juga Ketua Unit di Pusat Rujukan dan Repositori Laut Cina Selatan (RRC) Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT bagaimanapun berkata tiada maklumat yang tepat buat masa ini mengapa haiwan itu bermigrasi, dan ia hanya berlaku di sesetengah tempat sahaja.

Izwandy seterusnya menasihatkan penduduk kampung atau sesiapa sahaja yang menyaksikan kejadian sebegitu untuk tidak membunuh haiwan itu yang menurutnya penting kepada alam semula jadi.

Beliau berkata cacing tanah sangat membantu dalam kitaran semula jadi tanah dengan meningkatkan pengudaraan tanah yang merupakan proses kitar semula nutrien, dan menurutnya hal itu sekali gus memberi nilai tambah kepada tahap kesuburan tanah yang bermanfaat untuk aktiviti pertanian. – Bernama



*Gambar Sinar Harian*

